

20 AUG 1996
Mahathir-Balak
MAHATHIR MAHU LADANG HUTAN DIMAJU SECARA MELUAS

KUALA TERENGGANU, 20 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masanya sudah tiba bagi tanah terbiar di negara ini dimajukan dengan tanaman pokok hutan khususnya sentang dan jati yang terbukti mempunyai potensi amat baik.

Katanya kajian yang dijalankan membuktikan bahawa tanaman sentang terutamanya, begitu cepat membesar dan sudah mampu menghasilkan balak yang bermutu tinggi dalam tempoh 15 tahun.

"Kita telah sekian lama memotong pokok-pokok hutan untuk balaknya, maka kini tiba masanya kita menggantikannya dengan tanaman pokok hutan sebagai sumber balak masa depan," kata Perdana Menteri ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan rakyat di Dusun Nukleus Kampung Pelong kira-kira 50 km dari sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Timbalan Menteri Pertanian Datuk Haji Tengku Mahmud Mansor, Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud dan anggota-anggota Exco kerajaan negeri serta wakil-wakil rakyat.

Dr Mahathir yang dalam siri lawatan tiga hari ke Terengganu berkata penanaman pokok sentang dan jati tidak memerlukan penjagaan rapi dan tenaga yang banyak, justeru itu masa yang terluang boleh digunakan oleh penanamnya untuk aktiviti ekonomi yang lain seperti penanaman buah-buahan.

Katanya penglibatan secara serius dalam bidang penanaman pokok hutan dan pertanian merupakan satu cara bagi rakyat menunjukkan kesyukuran mereka terhadap kesuburan muka bumi Malaysia yang dikurniakan Allah.

Menurut Perdana Menteri rakyat perlu bekerja keras bagi mencapai satu tahap penghidupan yang membolehkan mereka bebas daripada sebarang penindasan.

"Hanya orang yang berada mampu membantu orang yang tidak berada," katanya.

Dalam konteks itu Perdana Menteri berkata Malaysia mempunyai keupayaan untuk terus mengekalkan kontinjen tenteranya di Bosnia bagi membantu umat Islam yang dianiayai.

Katanya apabila Pertubuhanm Bangsa-bangsa Bersatu tidak mempunyai keupayaan lagi untuk membiayai kehadiran tentera-tentera pengaman di Bosnia, banyak negara Islam yang turut menghantar tentera terpaksa menamatkan tugas di negara itu kerana tidak berupaya menampung perbelajaannya.

Namun, katanya berkat kesyukuran kita terhadap kekayaan negara yang dikurniakan Allah, Malaysia masih berupaya mengekalkan kontinjen tentera di negara Balkan itu dengan pembiayaan sendiri.

Dr Mahathir mengakui pada masa ini bumi Malaysia yang begitu subur belum diusahakan sepenuhnya, hanya sekadar secara sederhana.

"Amatlah rugi jika kita tidak mengambil kesempatan daripada kurniaan Allah itu dengan hanya diusahakan untuk sekadar cukup makan," katanya.

Dengan kepakaran dan kemampuan yang ada, masanya sudah tiba bagi petani mengetepikan kaedah pertanian lama yang hanya mengharapakan pokok buah-buahan tumbuh dan mengeluarkan hasil secara sendiri tanpa penyenggaraan sempurna.

Wan Mokhtar dalam ucapannya berkata Dusun Nukleus seluas 400 ha itu merupakan satu konsep pertanian bersepadu yang diusahakan oleh peserta dengan input dan khidmat nasihat daripada agensi-agensi kerajaan.

Dusun itu mengutamakan penanaman pokok buah-buahan bermutu tinggi untuk

pasaran dalam dan luar negeri termasuk duku, dokong, salak, limau madu dan durian serta pokok hutan terutama sentang.

Menurutnya kajian menunjukkan tanaman sentang boleh mendatangkan hasil hingga RM220,000 dalam tempoh 12 tahun bagi setiap hektar.

Di bawah konsep Dusun Nukleus itu peserta turut menanam tanaman kontan sementara menunggu pokok buah-buahan mengeluarkan hasil dalam tempoh lima hingga enam tahun.

Kira-kira 10,000 penduduk sekitar daerah Setiu dan Hulu Terengganu hadir pada majlis itu.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali dengan pesawat TUDM di Pekan Pelong diarak sejauh kira-kira lima kilometer ke dusun itu oleh kira-kira 100 buah motosikal.

Dr Mahathir juga melawat gerai pameran buah-buahan hasil pertanian penduduk sekitar dusun itu. -- BERNAMA

AM RON